

50 peratus kursus Unimas guna

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000240777

Inggeris

# Tingkatkan pendidikan



**PENTINGKAN PELAJARAN...**Saiful Adli Yaman menerima watakah daripada Naib Canselor Unimas Prof Yusuf Hadi.

## DRAHMAN BAHARUN

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mengumumkan akan menggunakan 50 peratus kursus dikendalikan dalam bahasa Inggeris mulai sesi akademik 2002/2003.

Naib Canselor Unimas Prof Yusuf Hadi berkata, sehubungan itu, pelajar harus mengambil peluang

menggunakan sepenuhnya pembelajaran dalam kursus Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Menurutnya, Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan ia amat penting dalam proses pembelajaran di universiti dan sebelum menempuh ke alam pekerjaan.

"Malah beberapa fakulti seperti seperti Perubatan

dan Sains Kesihatan, Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat telah menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran sebahagian besar kursusnya sejak awal lagi," katanya ketika berucap pada Majlis Ikrar Pelajar di kampus Unimas, hari ini.

Seramai 1,340 pelajar melafaz ikrar sempena kemasukan pelajar baru bagi sesi 2002/2003 pada



**IKRAR...**Seramai 1,340 pelajar baru bagi sesi 200/2003 melafaz ikrar sempena kemasukan pelajar baru Unimas, semalam.

tahun ini.

Pada majlis tersebut, pelajar juga menandatangani Aku Janji yang mengingatkan mereka mengenai tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar.

Prof Yusuf berkata, Unimas menekankan beberapa aspek kepada pelajar iaitu berpengetahuan dan beketrampilan dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Menurutnya, pelajar juga perlu berilmu dan sanggup belajar seumur hidup, membaca dan berupaya menggunakan ICT untuk mencari dan memproses maklumat.

"Mereka juga boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di samping bahasa Kebangsaan dan bahasa ibundanya. Kita juga menekankan nilai-nilai murni seperti beriman,

bermoral, tinggi, jujur, bersopan santun, bersyukur dan berterima kasih dan bertolak ansur," katanya.

Manakala, pelajar lama akan mendaftar pada 3 dan 4 Jun depan dan kuliah akan bermula pada 5 Jun.

Setakat ini, seramai 4,500 pelajar Unimas menuntut di universiti berkenaan.